AHMAD SHABERY CHEEK (tengah) melihat produk yang dipamerkan sempena Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-39, Pertubuhan Peladang Negeri Perak di Ipoh, Perak, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

Rabies: Ahmad Shabery sedia berbincang dengan wakil NGO

IPOH 29 Sept. - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek sedia untuk bertemu dan mengadakan perbincangan dengan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mendengar pandangan mereka dalam menangani penyakit anjing gila atau rabies di negara ini.

Kata Ahmad Shabery, beliau juga sedia untuk menjadi orang tengah bagi mengaturkan pertemuan antara mereka dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk berkongsi pandangan profesional.

Setakat ini katanya, situasi penyakit itu adalah terkawal dan beliau memahami keresahan yang ditimbulkan oleh beberapa pihak termasuk NGO tentang kaedah yang digunakan bagi mengasingkan anjing-anjing yang tidak bertuan.

"Secara umumnya, saya bersedia berbincang dengan mereka kerana saya berpegang kepada prinsip bahawa kerajaan yang baik ialah kerajaan yang sedia mendengar pandangan serta pilihan-pilihan yang ada.

"Tiada satu dasar atau undang-undang yang dikatakan tidak boleh diubah. Jika ada sesuatu yang lebih baik untuk perkembangan semasa, saya sedia untuk mendengar pandangan tersebut tetapi pada asasnya, kepentingan rakyat mesti dijaga dan itu yang paling penting," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 Pertubuhan Peladang Negeri Perak di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarahnya, Datuk Seri Dr. Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar.

Yang hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Trong, Datuk Dr. Zabri Abd. Wahid dan ADUN Belanja, Datuk Mohd. Nizar Zakaria merangkap Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Parit.

Dalam pada itu, Ahmad Shabery mengesahkan, tiada sebarang kes baharu membabitkan penyakit anjing gila dilaporkan, malah, kawalan juga telah diperketatkan termasuk di sempadan negara.

Katanya, kekurangan vaksin juga tidak berbangkit kerana pihaknya telah memesan stok baharu yang dijangka mencukupi untuk keperluan anjing di negara ini dan bakal tiba tidak lama lagi.

"Kita telah memesan daripada pusat vaksin dunia yang berpangkalan di Paris, Perancis untuk menghantar 50,000 lagi vaksin. Kini, penghantaran vaksin tersebut dalam perjalanan dan akan sampai dalam masa beberapa hari lagi," katanya.